

**LAPORAN AKTIVITI BULANAN**  
**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA NEGERI PULAU PINANG**  
**BAGI BULAN JUN 2022**

**1. iGFMAS: KURSUS GENERIK MODUL AP (ACCOUNTS PAYABLE)**

Institut Perakaunan Negara (IPN) melalui program Generik Kewangan dan Perakaunan Zon Utara telah menganjurkan Kursus Generik: Modul AP (Accounts Payable) pada 21 - 23 Jun 2022. Kursus diadakan di Bilik Latihan JANM Pulau Pinang, Tingkat 40, KOMTAR. Kursus telah disampaikan oleh Puan Ezni Syafira Binti Mohd Saad dan Puan Saratha A/P Shanmuganathan daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang. Seramai 20 orang peserta terdiri daripada pelbagai jabatan yang menghadiri kursus ini.



Sebahagian peserta yang terlibat




Penceramah menyampaikan taklimat



Gambar peserta dan penceramah secara berkumpulan

## 2. iGFMAS: KURSUS GENERIK PENGURUSAN ELAUN DAN KEMUDAHAN SEKTOR AWAM


Institut Perakaunan Negara (IPN) melalui program Generik Kewangan dan Perakaunan Zon Utara telah menganjurkan Kursus Generik: Pengurusan Elaun dan Kemudahan Sektor Awam pada 1 - 3 Jun 2022. Kursus diadakan di Bilik Mesyuarat JANM Pulau Pinang, Tingkat 42, KOMTAR. Kursus telah disampaikan oleh Puan Nor Hidayah binti Ahmad Rosli dan Puan Nur Widhayanti binti Abdul Ghani daripada Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang. Seramai 73 orang peserta terdiri daripada pelbagai jabatan yang menghadiri kursus ini secara atas talian melalui Aplikasi *GoogleMeet*.



Sebahagian peserta yang terlibat



Penceramah yang memberi taklimat



Sebahagian peserta yang terlibat

### 3. KURSUS PENGURUSAN WASIAT, HARTA PUSAKA DAN FARAID

Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah menganjurkan Kursus Pengurusan Wasiat, Harta Pusaka dan Faraid pada 21 Jun 2022 dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang. Kursus ini telah dijalankan secara atas talian melalui aplikasi *Lifesize*. Seramai 24 orang pegawai dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menghadiri kursus ini.

Kursus ini telah disampaikan oleh Ustaz Muhammad Fazil bin Kamarul Zaman dan Ustaz Indera Shahril bin Mohd Shahid dari Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Jabatan Akauntan Negara Malaysia.



Hebahan Kursus

#### 4. EKSPLORASI MINDA JANM BIL 5/2022 BERTAJUK HUTANG SERONOK@DERITA

Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan (BPPP), Jabatan Akauntan Negara Malaysia telah menganjurkan Kursus Eksplorasi Minda Bertajuk “Hutang Seronok@ Derita” pada 20 Jun 2022 dari jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang secara atas talian melalui peranti di tempat masing-masing. Kursus ini disampaikan oleh Tuan Jowel bin Nooh Jabatan Kastam Diraja Malaysia Negeri Selangor.

Seramai 35 orang pegawai dari Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Pulau Pinang telah menghadiri kursus ini. Kursus ini dijalankan secara atas talian melalui aplikasi *Lifesize* dengan mengikuti SOP yang ditetapkan.



Hebahan kursus